

**UCAPAN YAB KETUA MENTERI SABAH DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJJI HAJI NOOR SEMPENA LAWATAN KERJA Pengerusi Bersama Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat COVID19 ke Negeri Sabah 5 April 2021**

1. Saya dengan penuh hormat ingin mengalu-alukan kedatangan tetamu-tetamu hormat kita serta seluruh delegasi Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat COVID-19 ke Negeri Sabah pada hari ini.
2. Pada kesempatan ini saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan semua agensi di dalam Kerajaan negeri yang menjadi pasak utama dalam melengkapkan peranan Jawatankuasa Pegurusan Bencana Negeri dalam konteks pengurusan COVID 19 di negeri Sabah.
3. Kita amat bersyukur kerana berkat kesefahaman dan kerja berpasukan barisan hadapan inilah menjadi pemangkin kepada kita semua untuk tidak berputus asa berjuang serta berperang dengan musuh yang tidak kelihatan iaitu pandemik COVID-19. Disebabkan komitmen itulah, Sabah kini konsisten dengan kes positif dua digit walaupun angka positif COVID-19 di Sabah pernah mencecah 4 digit pada suatu masa dahulu.
4. Izinkan saya mengimbas semula kisah perjuangan negeri Sabah dalam mengharungi dan memerangi gelombang ketiga COVID-19 kurang lima bulan yang lalu. Ia bukanlah sesuatu yang mudah. Ujian pertama kepimpinan kerajaan Negeri pada waktu itu adalah untuk menguruskan gelombang ketiga dengan kenaikan kes COVID-19 yang mendadak. Ketika itu, kita berada di persimpangan antara nyawa dan kelangsungan hidup khususnya berkaitan ekonomi rakyat.
5. Strategi kita dalam mendepani krisis COVID-19 ini tidak terhad terhadap kawalan penularan wabak semata-mata. Ia merangkumi pelbagai aspek yang memberi kesan terhadap kelangsungan hidup rakyat. Pengurusan situasi COVID-19 ini melangkaui sektor kesihatan awam dan pencegahan wabak. Ini juga merangkumi pelbagai bidang seperti ekonomi, perdagangan, pekerjaan, kebajikan masyarakat, rantai perniagaan, bekalan makanan, kestabilan sosial dan pelbagai lagi elemen kehidupan.
6. Sebagai Ketua Menteri Sabah, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa menyokong setiap dasar dan peraturan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan selagi ia berteraskan matlamat untuk melindungi rakyat dan mendahulukan keperluan mereka. Pada masa yang sama sokongan ini pastinya mengukuhkan keyakinan rakyat bahawa kerajaan negeri dan Persekutuan akan terus menunaikan amanah yang diberi untuk melindungi serta mensejahterakan hidup rakyat.

7. Malaysia kini berada dalam fasa pemberian vaksin. Inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia bertujuan mengakhiri episod pandemik COVID-19 ini. Saya menyeru kepada semua agensi kerajaan di Sabah agar wajib memainkan peranan dalam menjelaskan atau menerangkan kepada warga Sabah bahawa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan adalah satu-satunya cara untuk mengeluarkan negara daripada belenggu COVID-19 yang sudah setahun lamanya. Ini termasuklah mematuhi SOP sepanjang dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
8. Di sini saya juga ingin menyentuh mengenai pelaksanaan PKP di beberapa daerah di Sabah. Kita telah menerima rungutan berkaitan pelaksanaannya, namun rakyat harus faham bahawa PKP ini sangat penting bagi tujuan kawalan agar rantai jangkitan covid19 ini dapat diputuskan. Justeru, tindakan ini perlu dilakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri agar penularan Covid-19 dapat disekat. Selain itu, tindakan pengesanan kontak rapat oleh pihak KKM di kawasan PKP juga dapat dilakukan dengan cepat dan terkawal. Ini bagi memudahkan pihak polis mengawal pergerakan keluar masuk penduduk di kawasan PKP dan bantuan seperti pengagihan bakul makanan kepada penduduk yang terjejas dapat disalurkan dalam keadaan terkawal.
9. Di negeri Sabah, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sudah dilaksanakan dan setakat 1 April, 2021 Sabah menerima sejumlah 104,130 dos vaksin. Sejumlah 67,808 suntikan vaksin dos 1 dan 2 telah dilaksanakan. Setakat 4 April, 2021 seramai 362,514 orang di negeri Sabah telah mendaftar untuk menerima vaksin atau 12.4 peratus daripada 2.9 juta golongan sasar. Jumlah pendaftaran untuk imunisasi masih pada tahap yang rendah di negeri ini. Justeru, saya ingin menyeru komitmen daripada semua pihak untuk mendaftar supaya sama-sama mendapat vaksin COVID-19.
10. Saya telah dimaklumkan bahawa program-program penerangan dengan kerjasama Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) juga telah bergerak untuk menjelaskan kepada warga Sabah mengenai manfaat vaksin di seluruh pelusuk Sabah bagi menyokong usaha memperkukuhkan imuniti kelompok.
11. Aktiviti libat urus di lapangan terutama di pedalaman dan pinggir bandar perlu dipergiatkan supaya pemahaman mengenai vaksin ini dapat disampaikan secara terus kepada penduduk luar bandar yang menghadapi kekangan mengakses maklumat imunisasi melalui media baharu. Saya difahamkan bahawa mereka ini ada yang tidak faham, takut, tidak yakin dan tidak kurang juga yang terpengaruh dengan berita palsu di luar sana. Jadi, janganlah kita abaikan mereka sebaliknya dekati mereka, beri penjelasan yang mudah difahami dan juga yakinkan mereka dengan testimonial yang kredibel berdasarkan naratif keyakinan vaksin oleh barisan hadapan dan pemimpin negeri/negara.
12. Sebelum mengakhiri ucapan, marilah kita sama-sama berganding bahu antara kerajaan Negeri, Persekutuan, badan berkanun, NGO dan seluruh rakyat Sabah untuk mencapai matlamat yang satu dalam masa terdekat ini, iaitu, melandaikan keluk jangkitan COVID-19. Ini bagi memastikan Program Imunisasi COVID-19

Kebangsaan, mencapai objektif melindungi rakyat, memacu ke arah pertumbuhan ekonomi negara, sama ada dalam konteks membuka sempadan negara dari segi fizikal atau dalam konteks menyediakan negeri kita dalam keadaan yang sentiasa terbaik untuk pilihan pelabur asing.

13. Berkat kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk agensi di bawahnya, saya berharap segala usaha ini akan terus kukuh demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian dan terima kasih.